



Sofbats by
Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil al-Hakkani

THIS LIFE AND WORSHIP

*Assalamu Alaykum wa Rahmatullah wa Barakatuh,
Auzu Billahi Minashaytanir Rajeem. Bismillahir Rahmanir Raheem,
Wassalatu Wassalamu ala Rasulina Mubhammadin Sayyidul Anwalin wal Akhirin,
Madad Ya Rasulallah, Madad Ya As'habi RasuLillah, Madad Ya Mashayikhina,
Shaykh Abdullah Daghestani, Shaykh Nazim al-Haqqani. Dastur.
Tariqatunas sohba, wal khayru fil jamiyya.*

Syukur kepada Allah kita di jadikan seorang Muslim. Malang lah bagi kita, jika tidak di jadikan seorang Muslim. Two garisan ayat untuk menjadi seorang Muslim . Jika anda melafaz, “La Ilaha Illallah, Muhammadun Rasulullah,” anda menjadi seorang Muslim. Selepas itu anda harus berusaha dan berkerja untuk dunia dan akhirat.

Sekarang orang hanya inginkan berkerja untuk akhirat sahaja. Ini baik, tetapi berkerja di dunia ini untuk menampung keluarga adalah ibadah. Mencari nafkah yang halal, menjaga keluarga dan mendidik mereka sebagai orang yang saleh adalah ibadah yang agung.

Allah ﷻ membuka banyak pintu rahmat pada akhirat. Sungguh indah. Beribadah mudah sahaja. Selepas shalat subuh ada shalat israk di ikuti dengan shalat zuhur. Tidak sampai 15 minit jika anda shalat semua nya.

Jika anda berkemampuan ada bacaan tasbih untuk kebaikan anda. Allah ﷻ aturkan berselang seli untuk beribadah. Anda boleh uruskan perkara duniawi bersamping membina hari akhirat. Bila ia di kerjakan serentak maka anda di kira sentiasa beribadah. Anda di kira beribadah seumur hidup. Anda akan menerima ganjaran nya di dunia dan di akhirat.

Maka Allah ﷻ tidak membenani orang perkara yang dia tidak boleh tanggung. Ada orang berkata “kenapa anda banyak bershalat?” Masalah mereka ialah iri hati kerana mereka tidak buat. Mereka berfikir “Mereka lebih baik dari kita.” Maka mereka berkata “mereka tidak kerjanya dengan baik. Dan kita lebih baik dari mereka” Jangan dengar kata kata mereka. Kita harus menasihati mereka supaya mereka tidak malas melaksanakan shalat dan ibadah.



Sofibats by
Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil al-Hakkani

Anak Adam dalam genggaman Shaitan. Dia bertungkus lumus sehari terusan tetapi bila datang waktu shalat dia malas mendirikan nya. “Saya tidak berdaya melakukan nya. Anda harus menasihati mula lah dengan dua rakaat. Itu pun agak susah untuk di jalankan. Kemalasan itu dari Shaitan. Menyinkir sifat kemalasan, menjadi seorang yang berkerja kuat adalah ciri ciri seorang awliya dan mumin.

Ketegasan mereka ialah “Berlebihan dalam beribadah, kita akan memperoleh ganjaran berlebihan di akhirat., kerana hidup di dunia ini hanya sementara. Seperti seorang yang berkejar masa. Walaupun kita hidup seratus tahun, ia hanya pendek dan sementara.

Manusia tanpa iman bosan dengan kehidupan ini. “Apakah harus kira buat di dunia ini. Mereka membunuh diri dan melaku berbagai perkara. Ini kerana mereka tidak beriman. Orang orang yang beriman merasakan hidup ini pendek walaupun umur nya panjang. Mereka berusaha untuk mencari manfaat untuk diri sendiri dan untuk bangsa nya di dunia dan akhirat. Moga Allah golongankan kita bersama mereka.Inshallah.

Wa Minallah at-Tawfeeq. Al-Fatiha.

Hazrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil
7. December 2016/7 Rabiul Awwal 1438
Sabah Namaz, Akbaba Dargah



Sohbats by

Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil al-Hakkani